

Kakitangan UMW Totoya belajar tanam pokok

UNIVERSITI Putra Malaysia (UPM) dengan kerjasama dengan syarikat automotif UMW Toyota Sdn Bhd (UMW Toyota) menganjurkan Program Kelestarian Landskap UPM bersama Toyota sebagai salah satu inisiatif melestarikan alam semula jadi dan menerapkan elemen pemindahan ilmu tanaman eco-terapi kepada industri baru-baru ini.

Pengarah Pejabat Strategi Korporat dan Komunikasi UPM, Prof. Dr. Azmawani Abd Rahman berkata, program itu adalah kesinambungan daripada dua siri program mega penanaman pokok UPM yang telah dilaksanakan pada bulan Jun dan September lepas.

Menurutnya, UPM telah menanam lebih daripada 10,000 anak pokok pelbagai jenis di beberapa lokasi strategik dalam kampus.


"Bagi program kali ini, usaha penghijauan UPM tidak hanya terhad

kepada aktiviti penanaman pokok semata-mata, tetapi lebih kepada penyelenggaraan pokok dan penjagaan landskap UPM daripada aktiviti penanaman pokok sebelum ini.

"Uniknya program kali ini adalah pemilihan pokok yang ditanam di kawasan MyAgeing ini adalah pokok eco-terapi yang boleh membantu mempengaruhi emosi, kognitif, estetik dan juga kerohanian individu," katanya pada Program Kelestarian Landskap UPM bersama Toyota, baru-baru ini.

Program berkenaan dirasmikan oleh Pengarah Eksekutif UMW Toyota Sdn. Bhd., Mohd Shamsor Mohd Zain di Institut Penyelidikan Penuaan Malaysia (MyAgeing).

Beliau berkata, seramai 70 kakitangan dari UMW Totoya terlibat dan mereka didedahkan dengan penjagaan pokok hortikultur serta demonstrasi teknik penanaman dan penjagaan pokok oleh pakar dan pensyarah UPM.



KAKITANGAN UPM dan UMW Toyota giat menanam pokok